



KENYATAAN MEDIA STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KEEMPAT 2022

Jumlah jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 2.6 peratus, merekodkan 8.75 juta jawatan pada suku tahun keempat 2022

PUTRAJAYA, 9 Februari 2023 – Jumlah jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 2.6 peratus, merekodkan 8.75 juta jawatan pada suku tahun keempat 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU TAHUN KEEMPAT 2022** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Jumlah jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 224.3 ribu, merekodkan 8.75 juta jawatan pada suku tahun keempat 2022 (ST4 2021: 8.53 juta). Peningkatan ini menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi yang menggalakkan, begitu juga dengan prestasi permintaan buruh sejajar dengan peningkatan berterusan aktiviti ekonomi dan sosial semasa. Untuk rekod, bilangan jawatan pada suku tahun ini adalah yang tertinggi sepanjang siri masa bermula 2018.

Dengan kemasukan pekerja warga asing secara berperingkat di Malaysia, bilangan jawatan diisi juga meningkat sebanyak 2.6 peratus, mencatatkan 8.56 juta jawatan pada ST4 2022 (ST4 2021: 8.35 juta). Sementara itu, peluang pekerjaan dalam ekonomi yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan jawatan meningkat sebanyak 4.8 peratus kepada 192.4 ribu kekosongan pada ST4 2022. Bagi kadar jawatan diisi dan kekosongan jawatan, masing-masing mencatatkan 97.8 peratus dan 2.2 peratus.”

Mengulas lanjut mengenai kedudukan jawatan diisi pada suku tahun keempat 2022, Ketua Perangkawan berkata, “Analisis pertumbuhan tahun ke tahun mengikut sektor ekonomi menunjukkan bahawa semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif pada suku tahun ini. Sektor Pembuatan kekal mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada kadar 4.0 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan (2.6%) dan Pertanian (2.2%). Dari segi komposisi, sebanyak 4.50 juta jawatan diisi (52.6%) tertumpu di sektor Perkhidmatan, diikuti oleh Pembuatan (26.9%) dan Pembinaan (14.4%). Bagi perincian mengikut kategori kemahiran, sebahagian besar jawatan diisi adalah dalam kategori separuh

mahir, mencatatkan 5.35 juta jawatan atau bersamaan 62.5 peratus, diikuti oleh kategori mahir dengan 2.13 juta jawatan (24.9%) dan berkemahiran rendah sebanyak 1.08 juta jawatan (12.6%).”

Mengulas mengenai kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Kekosongan jawatan meningkat kepada 192.4 ribu pada suku tahun ini, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 4.8 peratus. Walau bagaimanapun, perbandingan dengan tempoh sebelum krisis, bilangan kekosongan jawatan ini kekal lebih rendah daripada purata 200 ribu kekosongan jawatan yang direkodkan. Berdasarkan pecahan kekosongan jawatan mengikut kategori kemahiran, 55.1 peratus atau bersamaan dengan 105.9 ribu kekosongan jawatan adalah dalam kategori separuh mahir manakala kategori mahir merangkumi 25.3 peratus (48.6 ribu). Mengikut aktiviti ekonomi pula, lebih separuh daripada kekosongan jawatan adalah di sektor Pembuatan, mencatatkan 107.5 ribu kekosongan jawatan (55.9%), terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (33.1 ribu). Sektor Pertanian menduduki tempat kedua, dengan 31.7 ribu kekosongan jawatan (16.5%), diikuti oleh sektor Perkhidmatan yang mencatatkan 29.4 ribu kekosongan jawatan (15.3%) kebanyakannya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit (11.0 ribu).”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut bahawa lebih banyak pewujudan jawatan dilihat pada suku tahun ini yang merangkumi 30.9 ribu pewujudan jawatan untuk memenuhi keperluan industri. Sehubungan itu, pewujudan jawatan tahunan pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak 47.2 ribu merekodkan 116.7 ribu jawatan berbanding pada tahun 2021 (69.5 ribu). Dari segi komposisi mengikut kategori kemahiran, 63.1 peratus adalah dalam kategori separuh mahir dengan 19.5 ribu pewujudan jawatan, diikuti oleh mahir (28.0%; 8.7 ribu) dan berkemahiran rendah (8.9%; 2.7 ribu). Mengikut aktiviti ekonomi, sebahagian besar pewujudan jawatan adalah di sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 51.5 peratus atau bersamaan dengan 15.9 ribu jawatan yang tertumpu dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit (27.2%; 8.4 ribu). Sementara itu, sektor Pembuatan merekodkan 10.1 ribu pewujudan jawatan dengan sumbangan 32.8 peratus terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (11.3%; 3.5 ribu).

Mengakhiri kenyataannya mengenai penerbitan hari ini, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi keseluruhan permintaan buruh pada suku tahun keempat 2022 dilihat akan mengekalkan momentum positif dan lebih berdaya tahan. Peningkatan tahun ke tahun penduduk pekerja sebanyak 3.2 peratus yang dilaporkan dalam Laporan Tenaga Buruh Suku Tahunan pada hari ini juga menggambarkan momentum positif ini. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun menghadapi krisis global, aktiviti ekonomi dan sosial semasa terus meningkat dan seterusnya menggambarkan prospek ekonomi yang lebih sihat pada suku tahun ini. Di samping itu, prestasi permintaan buruh pada tahun 2022 juga dilihat lebih baik berbanding


tahun 2021 susulan Malaysia telah memperoleh semula momentumnya ke arah pemulihan ekonomi.”

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai platform yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai jenis data. OpenDOSM NextGen ialah medium perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST4 2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
9 FEBRUARI 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA
FOURTH QUARTER OF 2022

Total jobs in the economic sector increased by 2.6 per cent to record 8.75 million jobs in the fourth quarter of 2022

PUTRAJAYA, 9th February 2023 – Total jobs in the economic sector increased by 2.6 per cent to record 8.75 million jobs in the fourth quarter of 2022, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **EMPLOYMENT STATISTICS, FOURTH QUARTER 2022** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created indicators by skill categories and economic activities.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, "The number of jobs in the economic sector edged up by 224.3 thousand to record 8.75 million jobs in the fourth quarter of 2022 (Q4 2021: 8.53 million). The increase signified an encouraging economic development and the labour demand situation which in line with the continuous improvement of the current economic and social activities. For the record, the number of jobs in this quarter was the highest throughout the time series since 2018.

With the gradual influx of foreign workers in Malaysia, the number of filled jobs also increased by 2.6 per cent recording 8.56 million jobs in Q4 2022 (Q4 2021: 8.35 million). Meanwhile, jobs opening in the economy which was indicated by the number of job vacancies elevated by 4.8 per cent to 192.4 thousand vacancies during Q4 2022. As for the rate of filled jobs and job vacancies, both rates stood at 97.8 per cent and 2.2 per cent respectively."

Commenting further on the filled jobs situation during the fourth quarter of 2022, the Chief Statistician said, "Analysing the year-on-year growth across the economic sector, all sectors recorded a positive growth during this quarter. Manufacturing sector remained to register the highest growth at 4.0 per cent, followed by Services (2.6%) and Agriculture (2.2%). In terms of composition, a total of 4.50 million filled jobs (52.6%) were concentrated in the Services sector, followed by Manufacturing (26.9%) and Construction (14.4%). From the viewpoint of skill category, filled jobs was largely in the semi-skilled category recording 5.35 million jobs or equivalent to 62.5 per cent,

followed by skilled category with 2.13 million jobs (24.9%) and low-skilled by 1.08 million jobs (12.6%).”

Commenting on job vacancies by economic activity, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin pointed out, “Job vacancies had escalated to 192.4 thousand jobs during this quarter, recording a year-on-year growth of 4.8 per cent. However, in comparison to the pre-crisis period, the number of job vacancies continued to be lower than the average of 200 thousand job vacancies recorded. Disaggregating the job vacancies by skill category, 55.1 per cent or equivalent to 105.9 thousand job vacancies were in the semi-skilled category while skilled category encompassed 25.3 per cent (48.6 thousand). By economic activity, more than half of the job vacancies were in the Manufacturing sector which accounted for 107.5 thousand job vacancies (55.9%), primarily in the sub-sector of Electrical, electronic and optical products (33.1 thousand). Agriculture sector ranked second, with 31.7 thousand job vacancies (16.5%), followed by the Services sector which recorded 29.4 thousand job vacancies (15.3%) mainly in Wholesale & Retail Trade (11.0 thousand).”

The Chief Statistician further elaborated that more jobs creation was observed in this quarter which encompassed 30.9 thousand jobs created to fulfil the industry’s needs. In terms of composition by skill category, 63.1 per cent were in the semi-skilled with 19.5 thousand jobs created, followed by skilled (28.0%; 8.7 thousand) and low-skilled (8.9%; 2.7 thousand). Across the economic activity, jobs created were largely in the Services sector with a share of 51.5 per cent or equivalent to 15.9 thousand jobs particularly in the Wholesale and Retail Trade sub-sector (27.2%; 8.4 thousand). Meanwhile, Manufacturing sector recorded 10.1 thousand jobs created with a share of 32.8 per cent mainly in the Electrical, electronic and optical products sub-sector (11.3%; 3.5 thousand).


Concluding his statement on today’s release, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The overall performance of the labour demand during the fourth quarter of 2022 is foreseen to sustain its positive momentum and be more resilient. The increase of employed persons by 3.2 per cent year-on-year, reported in the Quarterly Labour Force Report today also reflected this positive momentum. This indicated a continuous improvement of the current economic and social activities despite the global headwinds and thus mirrored a healthier economic outlook in this quarter. Additionally, the labour demand performance in 2022 is on an upwards path as compared to 2021 as Malaysia’s economy has regained its momentum towards recovery.”

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a platform that provides a catalogue of data and visualisation that facilitates users in analysing various types of data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing medium and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Exhibit 1: Employment Statistics, Q4 2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
9 FEBRUARY 2023